



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 19 November 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Shah Alam warnai penutup Jelajah KPDN 2025

SHAH ALAM - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menerusi program Jelajah Karnival KPDN dan Kempen Beli Barangan Malaysia 2025 (KBBM 2025) menuju kemuncaknya apabila siri terakhir akan diadakan di Zon Tengah.

Kemuncak Jelajah Karnival KPDN akan berakhir di Shah Alam membolehkan pengunjung berpeluang untuk hadir beramai-ramai di Dataran Kemerdekaan Shah Alam, pada 21 November sehingga 23 November nanti.

Karnival itu terbuka kepada orang ramai mulai 9 pagi hingga 11 malam pada Jumaat dan Sabtu, manakala pada Ahad ia berlangsung dari 9 pagi hingga 6 petang.

Antara daya tarikan utama karnival ialah pastinya Program Jualan Rahmah MADANI, yang menawarkan pelbagai barangan keperluan harian dengan 10 hingga 30 peratus lagi murah daripada harga pasaran.

KPDN turut membawakan jualan *Back-to-School* yang menawarkan keperluan barang-barang sekolah sebagai persediaan persekolahan pada tahun depan.

Pengunjung juga boleh membeli belah di khemah Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) iaitu platform khas bagi memperkenalkan dan mempromosikan produk jenama-jenama tempatan kepada pengunjung.

Tidak ketinggalan, Menu RAHMAH juga pastinya menjadi pilihan pengunjung



untuk mendapatkan set hidangan makanan atau minuman dengan harga serendah RM5.

Aktiviti keluarga, persembahan artis dan sesi interaktif

Karnival tiga hari itu turut sarat dengan pelbagai aktiviti mesra keluarga seperti Pertandingan Mewarna, Eksplorasi Mini KPDN, sesi *Meet & Greet Didi & Friends* yang pasti menceriakan anak-anak kecil.

Bagi mereka yang ingin menambah

ilmu, sesi *Pocket Talk* daripada pelbagai agensi di bawah KPDN akan berkongsi maklumat berkaitan hak pengguna, advokasi kepenggunaan dan program bantuan kerajaan.

Pengunjung juga berpeluang menyertai aktiviti Fun Run 5KM (lima kilometer) yang akan berlangsung pada 21 November serta jualan promosi barangan sukan daripada Al-Ikhsan.

Tidak cukup dengan itu, pentas utama turut dimeriahkan dengan persembahan artis sepanjang tiga hari penganjuran.

Antaranya kumpulan nasyid InTeam pada hari pertama, diikuti barisan artis seperti Qistina Izz Zara (Pemenang Pertandingan Bintang Cilik KPDN), Ara Johari, Datuk Francissca Peter, Hael Huseini dan Drama Band, juga penampilan istimewa dari New Village Band, Rahmat MEGA & SOG sempena penutupan hari terakhir.

Peluang kerjaya dan cabutan bertuah menanti

Selain hiburan, pengunjung juga boleh merebut peluang pekerjaan melalui Karnival Kerjaya MyFutureJobs yang dianjurkan dengan kerjasama Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), menawarkan pelbagai peluang dalam sektor awam dan swasta.

Setiap pengunjung yang hadir juga berpeluang memenangi cabutan bertuah yang menawarkan hadiah lumayan termasuk Proton S70, Perodua Alza dan Modenas Karisma 125 serta pelbagai barangan elektrik.

Nantikan debaran untuk cabutan hadiah mega buat seluruh warga Malaysia yang hadir ke karnival ini melalui enam siri di seluruh negara.

Bertemakan Ikhtiar KITA Untuk Semua, KPDN terus komited membawakan program-program berteraskan fungsi kementerian secara terus kepada masyarakat tempatan.

Usaha itu bertujuan memberi impak yang berkesan demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara.

傅芝雅：商家踴躍使用eCOSS 彭成補貼食油監控典範

報道/攝影 ▶ 梁光輝

（关丹18日讯）国内贸易及生活费部副部长傅芝雅沙烈披露，该部今年8月推出的“食油补贴计划”移动eCOSS手机应用程序，现已在全国范围内得到加强，这个确保政府补贴能直接惠及大马国民的重要机制，迄今为止已有超过95万名用户注册。

“到目前为止，彭亨州共有42家超市、批发商和零售商使用了eCOSS应用程序，这意味着州内许多主要零售商或销售点，皆已经纳入eCOSS监控网络。”

她今日接受本报询问时披露，在彭亨州，经销商对该系统的接受和遵守度都名列前茅，使彭亨州成为补贴食油监控数字化的参考典范。

监控3方库存变动

“借着这款应用程序，让消费者通过App扫描二维码验证身分购买补贴食油，政府可记录消费者购买补贴食油的交易，并监控零售商、批发商和包装商的库存变动。”

她说，“食油补贴计划”自2023年起在全国分阶段实施，作为加强1公斤包装补贴食油流通链监管的战略举措。

这个App会链接国民登记局的资

料库，以确认购买者是大马国民身分，防止外籍人士享受食油补贴。而扩展eCOSS数字监控被认为是减少补贴疏漏的关键方式。

“eCOSS手机App允许零售商在店内销售补贴包装食用油时出示二维码，而用户则扫描二维码实时记录交易。这种数字化机制提高了数据准确性，加强了供应监控并有助于防止补贴出现疏漏。

提高数据准确性防补贴疏漏

“目前在这个机制实施的过渡期间，部分地区仍允许使用手工记录，确保任何一方都不会被遗漏。

她强调，政府致力于实施数字化转型，以提高透明度、减少疏漏并保证人民获得补贴食油的供应。



傅芝雅：彭亨州共有42家超市、批发商和零售商使用了eCOSS应用程序。（档案照）



政府补贴的1公斤包装食油只能销售给一般家庭消费者，不能作为商业用途。

Lebih 21,000 Program Jualan Rahmah MADANI manfaat hampir 23 juta rakyat

KUALA LUMPUR: Sebanyak 21,357 siri Program Jualan Rahmah MADANI (PJRM) telah dilaksanakan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) di seluruh negara sehingga 15 Nov lepas, memberikan manfaat secara langsung kepada hampir 23 juta rakyat Malaysia.

Timbalan Menteri berkenaan Datuk Dr Fuziah Salleh berkata ia melibatkan nilai transaksi mencecah RM900 juta.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Datuk Muslimin Yahaya (PN-Sungai Besar) mengenai berapa banyak peruntukan dan subsidi yang disediakan kementerian

dan agensinya untuk menampung program Jualan RAHMAH atau Jualan MADANI sepanjang 2024 dan 2025.

Menurut Fuziah, bagi tahun ini Kerajaan MADANI memperuntukkan RM552 juta bagi pelaksanaan PJRM, iaitu peningkatan 3.68 kali ganda berbanding tahun sebelumnya. — Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 19 NOVEMBER 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
19-Nov	23 juta rakyat dapat manfaat PGRM, nilai jualan lebih RM900 juta	https://www.buletintv3.my/nasional/23-juta-rakyat-dapat-manfaat-pgrm-nilai-jualan-lebih-rm900-juta/	TV3
19-Nov	Kerajaan tak boleh arah peruncit jual barang harga Rahmah sepanjang masa	https://malaysiagazette.com/2025/11/18/kerajaan-tak-boleh-arahruncit-jual-barang-harga-rahmah-sepanjang-masa/	MALAYSIA GAZETTE
19-Nov	JUALAN RAHMAH MADANI @UMT MANFAATKAN 10,000 PELAJAR DAN KOMUNITI SETEMPAT	https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2492158	BERNAMA
19-Nov	Dewan Rakyat: Ringgit mengukuh namun harga makanan import, ubat hospital swasta masih mahal	https://www.tvsarawak.my/2025/11/18/dewan-rakyat-ringgit-mengukuh-namun-harga-makanan-import-ubat-hospital-swasta-masih-mahal/	TVS
19-Nov	Lebih 900,000 Pengguna Muat Turun Aplikasi eCOSS	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2492409	BERNAMA
19-Nov	Lebih 900,000 pengguna muat turun & guna aplikasi eCOSS	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/lebih-900,000-pengguna-muat-turun-guna-aplikasi-ecoss	RTM
19-Nov	Over 900,000 Consumers Have Downloaded eCOSS Ap	https://bernama.com/en/news.php?id=2492407	BERNAMA
19-Nov	ECOSS Pastikan Minyak Masak Bersubsidi Sampai Ke Sasaran - Exco	https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2492326	BERNAMA

19-Nov	eCOSS Ensures Subsidised Cooking Oil Reaches Target - N. Sembilan Exco	https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2492211	BERNAMA
19-Nov	Ketepatan subsidi bersasar diperkukuh, pastikan rakyat layak terima bantuan	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/ketepatan-subsidi-bersasar-diperkukuh,-pastikan-rakyat-layak-terima-bantuan	RTM
19-Nov	Nilai jualan PJRM setakat 15 November lempi RM900 juta	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/nilai-jualan-pjrm-setakat-15-november-lempi-rm900-juta	RTM